

# Membina Tamadun Islam Masa Hadapan

▣ **Suzana Md Samsudi**  
Fellow Pusat Kajian Ekonomi dan  
Kemasyarakatan, Institut Kefahaman  
Islam Malaysia

**K**onsep “Malaysia MADANI” telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10, Dato’ Seri Anwar Ibrahim pada tahun ini sebagai satu kerangka visi negara. Konsep tersebut bertunjangkan dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum dalam memeta hala tuju Malaysia sebagai negara maju dan sejahtera.

Bagaimanakah Malaysia MADANI mampu menyumbang kepada ketamadunan Islam pada masa hadapan? Untuk menjawab persoalan ini, perhatian perlu diberikan terhadap ciri-ciri ketamadunan Islam akan datang. Wujudkan perbezaan antara ketamadunan Islam pada masa silam dengan masa hadapan?

Secara harfiah, istilah “madani” terbit daripada akar kata “din” yang membawa erti “agama” dalam bahasa Arab. Selain madani, istilah terbitan “din” yang lain ialah “madinah” (yang bermaksud bandar) dan tamadun. Tamadun digambarkan sebagai kekuasaan, kehebatan, kemakmuran dan kemajuan sesuatu bangsa dan pemerintahan. Dari segi istilah, tamadun membawa maksud yang hampir sama dengan hadarah, iaitu peradaban atau kemajuan manusia.

Tamadun atau hadarah pula terbentuk melalui gabungan *madaniyah* dan *thafaqah*.

*Madaniyah* lebih tertumpu kepada aspek pembangunan fizikal atau kebendaaan, manakala *thafaqah* merujuk aspek pencapaian manusia melalui sosiobudaya.

Sirah Rasulullah SAW menyaksikan tamadun Islam telah berkembang selepas Baginda menerima wahyu pertama di Gua Hira pada 17 Ramadan. Kerajaan Islam pertama di dunia bermula di Madinah selepas penghijrahan Baginda dari Makkah pada tahun 622M. Sarjana Islam menjelaskan ciri-ciri tamadun Islam secara *madaniyah* dengan memanfaatkan sumber alam secara optimum dan secara *thafaqah* melalui pembangunan potensi diri manusia yang berteraskan kepercayaan agama.

Apakah yang membezakan tamadun Islam dengan tamadun lain? Dalam satu kajian perbandingan pelbagai ketamadunan kuno sebelum



penggurunan. Selain itu, jurang kekayaan, ketidaksamaan politik dan oligarki atau pemusatan kuasa dalam kalangan pemimpin boleh menyebabkan perpecahan sosial, serta menghalang keupayaan masyarakat dalam menangani masalah ekologi, sosial dan ekonomi.

Enam tonggak utama dalam membangunkan Malaysia MADANI diterjemahkan berdasarkan huruf penting yang membentuk istilah MADANI. Huruf M pada awal perkataan menjadi tunjang kepada nilai keMampanan, manakala huruf A merujuk kata kesejAhteraan. Huruf D pula membawa makna Daya cipta, sementara huruf A menjadi teras bagi perkataan hormAt. Kalimah keyakiNan sebagai kunci huruf N dan akhir sekali, kata Ihsan mewakili huruf I.

Kemampanan dalam rangka Malaysia MADANI merujuk mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dengan alam, dan bernuansakan citra Malaysia yang unik. Matlamat yang ingin dicapai ialah kemampuan berdasarkan piawaian global untuk mempromosikan budaya yang mampan dalam semua aspek kehidupan serta mengurangkan potensi bencana alam.

Kemampanan ini ialah tonggak utama dalam aspek *madaniyah*. Kajian menunjukkan

keruntuhan tamadun boleh berlaku apabila aktiviti masyarakat melampaui kapasiti kemampuan alam sekitar, seperti aktiviti penebangan hutan secara berlebihan-lebihan, pencemaran air, kemerosotan tanah dan kepupusan biodiversiti. Visi Malaysia untuk mencapai piawaian global seperti Matlamat Pembangunan Mampan selari dengan ciri-ciri ketamadunan pada masa silam dan masa hadapan.

Dalam menghadapi kejutan luar, daya tahan ekonomi juga sangat kritikal. Satu daripada cara untuk berdaya tahan adalah melalui kepelbagaian ekonomi bagi menjana hasil dan pendapatan negara. Kajian terhadap daya tahan ekonomi bagi 160 buah negara dalam tempoh 20 tahun menunjukkan negara yang mempunyai sumber alam yang tinggi lebih berdaya tahan terhadap kejutan ekonomi. Negara maju yang mempunyai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi dan mampu mengimport sumber alam dari negara lain pula lebih berisiko untuk berhadapan dengan keruntuhan ekonomi dalam jangka panjang.

Di Malaysia, Indeks Hayat Rizab menunjukkan rizab petroleum semasa Malaysia bagi hasil minyak dan gas dijangka dapat bertahan selama 15 tahun. Rizab ini boleh ditingkatkan lagi kepada lebih 40 tahun melalui pelaburan modal tinggi, penggunaan teknologi baharu dan landskap pelaburan yang stabil dan kompetitif. Persoalan yang timbul adalah sejauh manakah ekonomi negara mampu berdaya tahan tanpa sumber hasil petroleum yang

kehadiran Islam, ciri-ciri tamadun dikaitkan dengan aktiviti ekonomi, kemajuan bandar, kekuatan tentera dan sistem politik. Walaupun semua empayar silam dianggap sebagai sebuah tamadun, namun tidak semua tamadun merupakan sebuah empayar.

Secara purata, sesebuah tamadun silam bertahan sekitar 336 tahun. Keruntuhan tamadun dikaitkan dengan kehilangan penduduk, identiti dan sosioekonomi secara pesat dan berterusan, serta berlaku keganasan akibat daripada kerajaan yang hilang kawalan. Antara punca keruntuhan tamadun termasuklah perubahan iklim, pencemaran alam sekitar, ketidaksamaan politik dan oligarki serta kejutan luaran.

Keruntuhan Empayar Akkadia, Maya dan Rom misalnya, berkaitan dengan perubahan iklim seperti kemarau. Perubahan iklim ini membawa bencana, kerosakan tanaman, kebuluran dan

menyumbang secara signifikan terhadap pendapatan negara?

Secara teori, risiko keruntuhan tamadun lebih rendah jika teknologi baharu dapat menangani isu seperti perubahan iklim dan kekurangan sumber alam. Negara yang mempunyai tenaga kerja berkemahiran tinggi mempunyai daya tahan yang lebih tinggi. Daya cipta dalam tonggak Malaysia MADANI merujuk pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia. Inisiatif yang menggalakkan daya cipta dan inovasi akan membantu negara untuk terus berdaya tahan. Oleh itu, peningkatan inovasi, misalnya yang diukur melalui permohonan paten per kapita harus dipertingkatkan.

Kecekapan pengurusan sumber alam merupakan sebahagian daripada ciri-ciri tamadun Islam secara *madaniyah*. Namun begitu, ketamadunan Islam tidak lengkap tanpa kemajuan secara *thaqafah*, iaitu pembangunan manusiawi yang berteraskan kepercayaan agama.

Terdapat beberapa kisah dalam al-Quran yang boleh dijadikan iktibar dan panduan tentang ketamadunan silam. Antaranya termasuklah kisah masyarakat Nabi Ibrahim a.s. yang menuruti ketuhanan Raja Namrud. Begitu juga dengan

masyarakat yang mempercayai ketuhanan Firaun sehingga menolak dakwah Nabi Musa a.s. Kaum Nabi Nuh, Nabi Lut dan Nabi Hud juga antara kaum yang ingkar dengan dakwah untuk menyembah Allah SWT ketika zaman ketamadunan mereka.

Secara ringkas, al-Quran menerangkan kemusnahan tamadun berlaku kerana sesuatu kaum mengingkari risalah yang dibawa oleh para rasul dan nabi. Selain itu, kebinasaan juga berlaku kerana kezaliman dan penindasan kaum serta ancaman terhadap para rasul dan nabi. Hal ini sebagaimana dinyatakan dengan jelas dalam *Surah al-Mursalat*, ayat 16 yang bermaksud, “Bukankah Kami telah binasakan orang dahulu (yang ingkar dan derhaka, seperti kaum Nabi Nuh, ‘Ad dan Thamud)?”

Perkara yang membimbangkan pada zaman sekarang ialah kemajuan bangsa dikaitkan dengan kepercayaan tanpa agama, malah sebahagian daripada sarjana Barat membuat kesimpulan bahawa tiada negara yang mampu berjaya dan beragama pada masa yang sama. Statistik menunjukkan bahawa kepercayaan dan amalan agama telah merosot di kebanyakan negara maju, tetapi kekal penting di negara membangun dan miskin.

Negara yang lebih sekular pula mempunyai KDNK yang lebih baik, produktiviti yang lebih tinggi dan lebih inovatif.

Dapatan kajian ini bertentangan dengan mesej yang terkandung dalam al-Quran

bahawa ketamadunan hancur pada saat manusia tidak lagi beriman kepada Allah SWT dan para rasul serta nabi. Secara zahir, keruntuhan tamadun pada masa silam berlaku kerana bencana alam. Namun begitu, hakikat yang perlu difahami dan dihayati ialah bencana alam tersebut tidak berlaku sebagai penyebab sebagaimana dalam analisis sebab dan akibat. Sebaliknya, hal tersebut merupakan akibat yang diturunkan oleh Allah SWT sebagai balasan terhadap perbuatan manusia sendiri yang tidak beriman dan melampaui batas-Nya.

Dalam kerangka dasar Malaysia MADANI, keenam-enam tonggak – kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan – diilhamkan melalui kecerakinan daripada perintah Allah SWT yang terkandung dalam al-Quran serta cerminan keperibadian dan ketokohan junjungan besar umat Islam, Nabi Muhammad SAW. Kerangka ini disokong pada peringkat agensi berkaitan dengan Hal Ehwal Agama melalui “AL-FALAH”, iaitu Pelan Transformasi Hal Ehwal Agama Menuju Malaysia MADANI bagi tahun 2023 hingga 2027. Pelan ini dilaksanakan dengan nilai lima “I”, iaitu nilai ilmu, integriti, *itqan*, ikhlas dan istiqamah.

Di Malaysia, pentadbiran Islam secara umumnya telah diasaskan oleh para ulama sebelum era penjajahan, iaitu pada sekitar abad ke-11 hingga awal abad ke-15. Pada peringkat negeri, Jabatan Agama Islam Johor merupakan institusi agama terawal yang ditubuhkan pada sekitar tahun 1895 dan



diikuti oleh Majlis Agama Islam Negeri Kelantan pada tahun 1915. Pada peringkat persekutuan pula, Majlis Raja-Raja dalam Persidangan Kali ke-81 pada tahun 1968 bersetuju menubuhkan sebuah badan bagi menyelaras hal ehwal pentadbiran agama Islam di seluruh negara dan dikenali secara rasmi sebagai Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada tahun 1971 dengan penyertaan Sabah dan Sarawak.

Sejarah menunjukkan zaman kegemilangan tamadun Islam ialah zaman umara (pemerintah) menghormati ulama (ilmuwan Islam). Zaman kejatuhan tamadun pula berlaku dengan kerakusan umara sehingga sanggup mempergunakan ulama. Misalnya, kejatuhan tamadun Islam di Afrika Utara dan Andalusia apabila seorang ilmuwan Islam, Ibn Khaldun, terpaksa melepaskan tawaran jawatan politik dan berhijrah ke Mesir.

Sebagai kesimpulan, usaha untuk membina ketamadunan Islam masih mempunyai asas yang sama untuk masa silam dan masa hadapan. Pembangunan secara *madaniyah* selari dengan pembangunan alam sekitar sebagaimana Matlamat Pembangunan Mampan. Aspek *thafaqah* pula membezakan antara tamadun Islam dengan tamadun lain kerana kecemerlangan insan tidak dinilai semata-mata melalui keupayaan manusia memajukan bidang sains dan teknologi, sebaliknya turut diukur melalui keimanan dan keutuhan nilai-nilai Islam. Kerangka Malaysia MADANI dan Pelan AL-FALAH mampu menjadi asas bagi membina tamadun Islam masa hadapan sekiranya umara dan ulama ikhlas berganding bahu ke arah usaha mencapai kesejahteraan ummah secara holistik. 🕌



# MALAYSIA MADANI



## M KEMAMPANAN

Kemajuan mutu kehidupan bangsa dalam acuan yang seimbang antara manusia dengan alam, bernuansakan citra Malaysia yang unik.

## A KESEJAHTERAAN

Membawa makna keseimbangan atau lebih tepat lagi kehidupan dan segala sisinya yang terangkum dalam keseimbangan.

## D DAYA CIPTA

Mengandungi beberapa konotasi, antaranya termasuklah pembaharuan, reka cipta dan reka baharu.

## A HORMAT

Mengandungi konotasi maruah manusia. Suatu kalimat lain, yakni adab yang berasal daripada bahasa Arab.

## N KEYAKINAN

Keyakinan mempunyai kaitan yang erat dengan amanah, iaitu suatu ikrar pertanggungjawaban moral duniawi dan ukhrawi.

## I IHSAN

Ihsan sinonim dengan makna peduli dan belas kasihan.

Sumber: Jabatan Perdana Menteri.